

# PM bimbang laporan Suruhanjaya Diraja terhadap <sup>(P)</sup> Razaleigh tak tepat

UM 18 OCT 1990  
KUANTAN 17 Okt. Per-  
dana Menteri Dato' Sri Dr.  
Mahathir Mohamad bimbang  
Suruhanjaya Diraja Bagi Me-  
nyiasat Skandal Bumiputra  
Malaysia Finance (BMF)  
membuat laporan tidak tepat  
terhadap Tengku Razaleigh  
Hamzah yang dikatakan pal-  
ing bertanggungjawab ke  
atas skandal itu.

Beliau berkata kebimbang-  
an itu disebabkan Tan Sri  
Ahmad Nordin yang meng-  
etuai suruhanjaya itu kini tel-  
ah menyertai Semangat 46.

"Saya bimbang pendirian-  
nya (Tan Sri Ahmad) sama  
ada akan dikaitkan atau tidak  
dalam laporan itu jika suru-  
hanjaya tersebut diarahkan  
menyiasat serta mengemuka-  
kan laporan siasatan terha-  
dap dakwaan penglibatan  
Tengku Razaleigh," katanya.

Beliau berkata demikian  
dalam sidang akhbar di sini  
pagi ini sebagai menjawab  
cadangan Presiden Semangat  
46 supaya Suruhanjaya Diraja  
diarah menyiasat dakwaan  
berkenaan. Tengku Raza-  
leigh mencadangkan de-  
mikian di majlis memperke-  
nalkan calon Semangat 46 di  
sini, malam tadi.

Akhbar hari ini melapor-  
kan bekas Pengerusi BMF,  
Lorrain Eshme Osman mende-  
dahkan penglibatan secara  
langsung Tengku Razaleigh  
sebagai orang paling bertang-  
gungjawab ke atas skandal  
BMF di Hong Kong 10 tahun  
lalu.

Mengulas laporan akhbar  
itu, Perdana Menteri berkata:  
"Dia (Lorrain) seolah-olah  
kecewa kerana terpaksa men-  
jalani hukuman penjara sela-  
ma lima tahun tetapi masih  
tidak dibicarakan".

"Orang yang dapat banyak  
nikmat ini masih bebas dan  
ada keinginan jadi Perdana  
Menteri pun sedangkan dia  
(Lorrain) duduk dalam penja-  
ra," katanya.